Pelaksanaan PADU bantu negara capai sasaran defisit fiskal

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mahanum Abdul Aziz - Januari 2, 2024 @ 1:21pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli -NSTP/Eizairi Shamsudin

PUTRAJAYA: Pelaksanaan Pangkalan Data Utama (PADU) jika berjalan lancar dijangka dapat membantu negara mencapai sasaran defisit fiskal antara 3.0 peratus hingga 3.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2025.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata inisiatif PADU adalah antara keutamaan kerajaan dalam memastikan manfaat limpahan ekonomi dapat dirasai secara adil dan saksama oleh segenap lapisan rakyat.

Beliau berkata, PADU adalah sebahagian daripada tindakan proaktif serta responsif yang dilaksanakan oleh kerajaan, sejajar dengan kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat.

"Inisiatif ini memberi tumpuan kepada usaha untuk menstruktur semula ekonomi ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia dan akhirnya memberi limpahan hasil kepada rakyat untuk menikmati kehidupan yang lebih berkualiti," katanya pada majlis peluncuran PADU di sini, hari ini.

Pelancaran PADU disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Rafizi berkata, PADU dibangunkan melalui kepakaran dalaman Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), dengan kerjasama dan sokongan pelbagai kementerian, agensi serta Kerajaan Negeri.

Beliau berkata, hasil daripada komitmen dan kesungguhan semua yang terbabit, PADU dapat direalisasikan dalam tempoh enam bulan.

"Kejayaan ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai. Terima kasih dan tahniah juga kepada semua yang terbabit secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan pembangunan PADU," katanya.

Rafizi berkata, pembangunan PADU adalah sebahagian daripada usaha ke arah Govtech melalui penyediaan pangkalan data utama negara yang selamat, komprehensif dan 'hampir pada masa sebenar' yang membolehkan analitik data yang lebih tepat dihasilkan.

Beliau berkata, PADU juga menyokong tiga aspek utama yang diberi penekanan dalam Govtech, iaitu perkhidmatan awam yang mudah diakses dan berpaksikan rakyat, transformasi kerajaan digital serta sistem

kerajaan yang cekap, telus dan tidak rumit.

"Ketersediaan PADU akan membantu penggubalan dasar dan proses pembuatan dasar berpandukan data.

"PADU merangkumi profil individu yang mengandungi maklumat asas demografi, alamat, pendidikan, isi rumah, pekerjaan, pendapatan, komitmen dan bantuan yang diterima," katanya.